

► **NOTIS DATA PERIBADI**

Advance Synergy Berhad ("**ASB**" atau "**kami**") dan syarikat-syarikat yang berkaitan atau kumpulannya (selepas ini dirujuk sebagai "**Kumpulan ASB**") mengetahui tanggungjawab kami untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (dirujuk sebagai "**Akta**") yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial.

Untuk tujuan Notis Data Peribadi ini, terma-terma "data peribadi" dan "pemprosesan" akan mempunyai maksud sepertimana ditakrifkan dalam Akta.

Notis Data Peribadi ini adalah digunapakai pada mana-mana pihak yang data peribadinya diproses oleh atau bagi pihak ASB dan/atau Kumpulan ASB dan bertujuan untuk memaklumkan anda bagaimana data peribadi anda diproses.

1. Data peribadi anda yang diproses oleh kami mungkin termasuk nama, tarikh lahir, jantina, nombor kad pengenalan, nombor pasport, jawatan, nama syarikat, maklumat perhubungan, alamat emel dan apa-apa data peribadi lain yang mungkin dikumpul untuk tujuan yang dinyatakan di bawah.
2. Data peribadi anda ("**Data**") mungkin dikumpul dari pelbagai sumber maklumat, termasuklah maklumat yang telah dan akan anda berikan dari masa ke semasa secara berterusan kepada kami, maklumat daripada pihak-pihak ketiga dan maklumat dalam domain awam.
3. Data anda sedang atau akan diproses untuk tujuan-tujuan yang mana ia telah didedahkan oleh anda, yang membolehkan kami memproses permohonan dan/atau pendaftaran yang telah anda kemukakan kepada kami, membuat pertimbangan untuk permohonan-permohonan bagi pekerjaan dan/atau memasuki kontrak dengan anda dan/atau memberi respon kepada pertanyaan anda yang dikemukakan. Tambahan pula, Data anda juga akan diproses bagi membolehkan kami untuk menguruskan hubungan kontrak kami dengan lebih baik dan/atau untuk memberikan anda maklumat mengenai ASB dan/atau Kumpulan ASB serta mengenai aktiviti, produk dan/atau perkhidmatannya, untuk melakukan aktiviti dalaman, untuk penyelidikan, analisis dan tujuan statistik bagi apa-apa tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang yang digunapakai atau dengan kebenaran dari anda dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan ini (secara kolektif dirujuk dalam Notis Data Peribadi ini sebagai "**Tujuan**").

Kegagalan untuk membekalkan kami dengan Data anda boleh menyebabkan Tujuan di atas tidak dapat dilaksanakan. Adalah penting bahawa Data yang anda berikan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Oleh itu, menjadi tanggungjawab anda untuk mengemaskinikan kami jika Data anda telah berubah.

Data anda mungkin akan didedahkan kepada syarikat lain di dalam Kumpulan ASB atau ejen-ejen, wakil-wakil, penasihat-penasihat profesional dan/atau perunding-perunding kami, pemberi perkhidmatan pihak ketiga dan/atau pembekal utiliti, kontraktor, pembekal dan/atau vendor dan juga kepada pihak-pihak berkuasa kerajaan, tempatan dan/atau pengawal atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan dan pihak-pihak lain yang kami berpendapat perlu untuk memenuhi Tujuan yang dinyatakan di atas atau keperluan perundangan di bawah undang-undang yang digunapakai atau sebagai jawapan kepada pihak berkuasa.

Secara umumnya, kami akan menyimpan Data anda secara sulit dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak berautoriti.

4. Anda boleh mengarahkan permintaan akses data, permintaan pembedahan data, sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Data anda kepada yang berikut:

Pegawai yang boleh dihubungi	Setiausaha Syarikat
Alamat Pos	Advance Synergy Berhad Level 3, East Wing, Wisma Synergy, No. 72, Pesiaran Jubli Perak, Seksyen 22, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Nombor Telefon	+603-5192 8822 ext 213
Nombor Faks	+603-5192 8811
Alamat Emel	tsaefeng@asb.com.my

► **NOTIS DATA PERIBADI**

Selaras dengan Akta:

- a. Kami mungkin mengenakan bayaran memproses permintaan untuk mengakses Data anda; dan
- b. Kami boleh menolak permintaan anda untuk mengakses atau melakukan pembetulan Data anda.

Sila ambil perhatian bahawa untuk memproses permohonan, pertanyaan dan aduan anda, anda akan diminta untuk memberikan maklumat bagi mengesahkan identiti anda. Ia juga akan membantu kami jika anda boleh memberikan nama syarikat Kumpulan ASB yang (atau yang anda percaya sedang) memproses Data anda.

5. Untuk mencapai Tujuan atau mematuhi undang-undang yang digunapakai dan obligasi perundangan atau untuk tujuan dalaman, ASB dan/atau Kumpulan ASB akan menyimpan Data anda selama mana ia diperlukan dari tarikh data dikumpulkan.

ASB dan/atau Kumpulan ASB akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa Data tersebut akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal apabila tidak diperlukan untuk Tujuan yang dimaksudkan.

6. Kami boleh menyimpan atau memindahkan Data anda ke lokasi/tempat dan sistem di luar Malaysia.
7. Sekiranya anda telah membekalkan Data mana-mana pihak ketiga kepada kami (contohnya, orang hubungan ketika kecemasan anda, penyewa, wakil-wakil yang diberikan kuasa, kontraktor, peguam, ahli kewangan), kami bergantung kepada anda untuk memperolehi persetujuan yang mencukupi dari pihak ketiga tersebut untuk mengizinkan kami memproses Data mereka yang berkenaan bagi Tujuan tersebut dan anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami.
8. Dengan menggunakan laman web kami dan/atau dengan membekalkan Data anda kepada kami, anda dengan ini, membenarkan pemprosesan Data anda selaras dengan segala yang dinyatakan di atas, melainkan dan sehingga anda memaklumkan sebaliknya kepada kami.
9. Kami mempunyai hak untuk mengemaskini, mengkaji semula dan mengubah Notis Data Peribadi dari masa ke semasa untuk mematuhi atau menjadi selaras dengan perubahan dalam undang-undang dan peraturan yang digunapakai, dalam amalan perniagaan, prosedur, dasar dan struktur, dan perubahan jangkaan privasi masyarakat.

Versi terbaru Notis Data Privasi ini boleh diperolehi di www.asb.com.my.

10. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris adalah digunapakai.

Diterbitkan pada April 2014